



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**GARISPANDUAN PERMOHONAN KEBENARAN *FREQUENT COMMUTER PASS*
(FCP) BAGI ORANG RAMAI YANG KERAP KELUAR / MEMASUKI NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM (NBD) MELALUI POS-POS KAWALAN DARAT**

TARIKH: 11 SAFAR 1442H BERSAMAAN 29 SEPTEMBER 2020

PENDAHULUAN

1. Garispanduan permohonan *Frequent Commuter Pass (FCP)* ini adalah bagi mendapatkan kadar bayaran khas Caj Perkhidmatan (CaP) yang diberikan kepada rakyat Negara Brunei Darussalam atau rakyat Malaysia yang membuat perjalanan kerap keluar dan masuk Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui pos-pos kawalan darat mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi, NBD melalui Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

2. Kategori-kategori orang yang dibolehkan untuk membuat permohonan *FCP* adalah seperti berikut:
 - 2.1 Pelajar terdiri daripada rakyat Negara Brunei Darussalam atau Malaysia yang merentas sempadan, sama ada ulang alik atau transit melalui Negara Brunei Darussalam, bagi tujuan belajar sama ada di Negara Brunei Darussalam mahupun di Malaysia; atau



- 2.2 Rakyat Negara Brunei Darussalam atau Malaysia yang merentas sempadan, sama ada ulang alik atau transit melalui Negara Brunei Darussalam, bagi tujuan bertugas.
3. Bagi kategori yang merentas sempadan bagi tujuan bertugas, ianya adalah tidak termasuk bagi syarikat-syarikat perniagaan, pengangkutan dan juga '*runners*'.
4. Pemohon *FCP* hendaklah mempunyai rekod perjalanan keluar dan masuk Negara Brunei Darussalam melalui pos-pos kawalan **sekurang-kurangnya lima belas (15) kali dalam sebulan**.

KADAR PAKEJ BAYARAN CAJ PERKHIDMATAN (CaP)

5. Pemohon *FCP* yang telah diluluskan hendaklah melayari **Exit and Entry System (EES)** di laman sesawang <http://login.bdnsw.gov.bn/ees> bagi proses **pembayaran Caj Perkhidmatan (CaP)**.
6. Bayaran Caj Perkhidmatan (CaP) bagi kategori *FCP* boleh dibuat bagi perjalanan keluar-masuk NBD tanpa had dengan pilihan tempoh perjalanan bagi **1 bulan, 3 bulan atau 6 bulan**.
7. Kadar bayaran CaP bagi *FCP* adalah seperti berikut:

BIL.	KATEGORI	KADAR PAKEJ BAYARAN BAGI SEORANG		
		1 BULAN	3 BULAN	6 BULAN
1.	Pelajar terdiri daripada rakyat Negara Brunei Darussalam atau Malaysia yang merentas sempadan, sama ada ulang alik atau transit melalui Negara Brunei Darussalam, bagi tujuan belajar sama ada di Negara Brunei Darussalam mahupun di Malaysia	BND30	BND90	BND180
2.	Rakyat Negara Brunei Darussalam atau Malaysia yang merentas sempadan, samada ulang alik atau transit melalui Negara Brunei Darussalam, bagi tujuan bertugas	BND50	BND150	BND300



TATACARA PERMOHONAN

8. Permohonan *FCP* hendaklah dibuat melalui **portal Jabatan Perdana Menteri (JPM) Negara Brunei Darussalam** di alamat www.pmo.gov.bn/travelportal dan mengisi Borang ‘*Frequent Commuter Pass (FCP)*’ secara dalam talian.
9. Semasa kawalan pergerakan situasi pandemik pada masa ini, pemohon *FCP* hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran keluar negeri atau kebenaran untuk membuat perjalanan transit melalui portal Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam di alamat www.pmo.gov.bn/travelportal sebelum membuat permohonan *FCP*. **Nombor rujukan (Travel Application Approval Reference ID) bagi permohonan yang telah dibenarkan** hendaklah dimasukkan ke dalam permohonan *FCP* dan segala keterangan pemohon akan diisikan secara automatik ke dalam permohonan *FCP* berdasarkan maklumat yang telah dinyatakan di dalam kebenaran yang dirujuk tersebut.
10. Pemohon *FCP* hendaklah mempunyai *passport* dengan tempoh sahlaku **tidak kurang daripada tiga (3) bulan**. Sekiranya pemohon *FCP* telah membaharui *passport* semasa masih di dalam tempoh kebenaran, pemohon hendaklah mengemaskini maklumat *passport* yang terbaru di dalam portal Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam.
11. Pemohon *FCP* hendaklah melengkapkan maklumat mengenai keterangan tempat bekerja atau sekolah/institusi pengajian dan pastikan maklumat yang diberikan adalah betul.
12. Pemohon hendaklah menandakan Petak Pengakuan (*Declaration Checkbox*) bagi mengisyiharkan bahawa pemegang *FCP* mempunyai rekod perjalanan keluar-masuk NBD **sekurang-kurangnya 15 kali dalam sebulan**. Hendaklah diingatkan kepada pemohon *FCP* untuk membuat pengakuan ini dengan betul.



kerana mana-mana orang yang memberikan maklumat palsu atau tidak betul adalah menjadi satu kesalahan di bawah **Bab 13, Perintah Bayaran Keluar dan Bayaran Masuk, 2020** dan jika sabit kesalahan akan dikenakan **denda tidak melebihi \$8,000, penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya sekali.**

13. Permohonan mendapatkan kadar bayaran CaP bagi *FCP* yang telah dibenarkan adalah sah bagi tempoh **6 bulan** dari tarikh mula membuat perjalanan keluar-masuk NBD. Kebenaran dengan **nombor rujukan (*FCP Approval Reference ID*)** tersendiri akan dihantar terus melalui alamat emel yang telah dinyatakan dalam permohonan *FCP*.
14. Jika terdapat keperluan untuk memperbaharui passport bagi pemegang *FCP* yang masih sah, hendaklah mengemaskinikan keterangan passport yang baharu tersebut dengan memasuki semula ke portal Jabatan Perdana Menteri (JPM) Negara Brunei Darussalam dan membuat pengemaskinian dengan menekan pilihan “Status Permohonan” di bawah *Frequent Commuters Pass*. Pemegang *FCP* hendaklah memasukkan nombor rujukan kebenaran (*FCP Approval Reference ID*) dan masukkan keterangan passport baharu tersebut iaitu nombor passport dan tarikh mansuh passport.

MEMBUAT PEMBAYARAN DI BAWAH PAKEJ CAJ PERKHIDMATAN BAGI KATEGORI FCP

15. Setelah mendapatkan kebenaran *FCP*, pemegang *FCP* hendaklah membuat pembayaran mengikut tatacara seperti berikut:
 - 15.1 Membuat pendaftaran ke dalam **Entry and Exit System (EES)** di laman sesawang <http://login.bdnsw.gov.bn/ees>. Ini adalah bagi pengguna EES yang baharu sahaja. Bagi yang sudah berdaftar, pemohon cuma



- dikehendaki untuk memasukkan alamat emel dan kata laluan yang telah didaftarkan ke dalam EES;
- 15.2 Setelah itu, pemegang *FCP* hendaklah membuat pembayaran **Caj Perkhidmatan (CaP)** terlebih dahulu dengan menekan pilihan '**Frequent Commuters Pass**'. Keterangan yang diperlukan adalah nombor rujukan '**FCP Approval Reference ID**' dan nombor *passport*;
- 15.3 Pembayaran boleh dibuat dengan pilihan pakej bagi pembayaran untuk **1 bulan, 3 bulan** atau **6 bulan** dengan kadar khas;
- 15.4 Pemohon diberikan dua (2) pilihan tatacara pembayaran seperti berikut:
- 15.4.1 Pembayaran terus secara dalam talian dengan menggunakan kad (kad debit / kredit); atau
- 15.4.2 Pembayaran secara tunai di Kaunter Pembayaran Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED). Pemohon akan diberikan nombor rujukan bil dan nombor rujukan FCP melalui email dan seterusnya menyerahkan nombor rujukan berkenaan kepada juruwang JKED.
- 15.5 Setelah pembayaran dibuat, pemegang *FCP* akan menerima **kod QR FCP** yang mengandungi maklumat mengenai tempoh sahlaku Pakej FCP yang telah dibayar.
- 15.6 Pemegang FCP yang sudah menerima kod QR FCP adalah diperlukan untuk **melengkapkan maklumat perjalanan** apabila hendak masuk atau keluar melalui mana-mana pos kawalan darat di Negara Brunei Darussalam. Pemegang FCP hendaklah log masuk semula ke dalam EES dan membuat Permohonan **Pas Perjalanan** dengan melengkapkan keterangan seperti berikut:



- Kaedah perjalanan dan pos kawalan yang dilalui;
 - Keterangan kenderaan yang akan digunakan; dan
 - Maklumat pemilik kenderaan, pemandu dan penumpang (jika ada).
- 15.7 Setelah melengkapkan maklumat bagi Pas Perjalanan, pemohon akan dapat menjana **kod QR bagi Pas Perjalanan**.
- 15.8 Kebenaran adalah khusus kepada pemohon sahaja dan **tidak boleh dipindah milik kepada atau dikongsi dengan mana-mana pihak**. Pemohon hendaklah sentiasa mengambil langkah bersesuaian untuk memastikan bahawa orang lain tidak menggunakan kebenaran ini bagi tujuan mendapatkan keistimewaan tersebut.